

## JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 ( 58 )

15 Julai 2021

### PEKELILING PELAJAR BIL. 13/2021

#### PROSEDUR PERGERAKAN PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021

Sukacita dimaklumkan berikutan dari pemakluman terkini dari pihak Kerajaan melalui Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertajuk Pergerakan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Pulang Sempena Cuti Semester 2020/2021, bertarikh 9 Julai 2021, pihak Universiti telah bersetuju untuk menambah baik prosedur pergerakan pelajar keluar / masuk kampus yang sebelum ini diumumkan melalui Pekeliling Pelajar Bil. 12/2021 bertarikh 30 Jun 2021, "Prosedur Pergerakan Pelajar Keluar / Masuk Kampus UTM Johor Bahru dan UTM Kuala Lumpur Berikutan Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKP 3.)"

2.0 Sehubungan dengan itu, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) bertarikh 14 Julai 2021 telah bersetuju untuk melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pergerakan Pelajar UTM Pulang yang akan berkuat kuasa mulai **12 Julai 2021**. Melalui SOP ini pelajar-pelajar yang kini menginap dalam kampus UTM adalah dibenarkan untuk pulang ke kampung halaman dengan menaiki kenderaan sendiri dan yang disediakan oleh pihak Universiti. Perjalanan adalah sehala sahaja.

3.0 Universiti turut menetapkan mekanisme kawalan terhadap pergerakan pelajar pulang yang akan dilaksanakan secara berfasa. Walau bagaimanapun, pergerakan pelajar ke **kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah ditangguhkan** sehingga tempoh PKPD di kawasan tersebut ditamatkan. Kategori Pelajar dan SOP umum adalah sepertimana di **Jadual 1** dan **Lampiran 1**.

Sila ambil maklum, sebarang pelanggaran arahan ini boleh dikenakan tindakan disiplin oleh pihak Universiti.

Sekian.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉: [shamsul@utm.my](mailto:shamsul@utm.my)

s.k. : Naib Canselor

: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

: Pendaftar

: Pengarah, Bahagian Keselamatan

## KATEGORI PELAJAR

## BAGI PELAJAR-PELAJAR MENGINAP DALAM KAMPUS

BIL.	PERKARA	KEBENARAN
1.	Pelajar menginap dalam kampus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu bapa/penjaga/waris tidak dibenarkan merentas negeri / daerah untuk mengambil anak.</li> <li>• Pergerakan ke kawasan PKPD adalah ditangguhkan sehingga tarikh PKPD tamat termasuk pelajar dari UTM Kuala Lumpur</li> <li>• Mod pengangkutan Kenderaan Universiti dan Kenderaan persendirian.</li> <li>• Perkhidmatan penerbangan boleh diberi kebenaran jika ada keperluan dari pelajar.</li> <li>• Surat kebenaran pulang akan dikeluarkan kepada pelajar melalui UTMSmart. Pelajar tidak perlu ke balai polis bagi tujuan mendapatkan surat rentas negeri / daerah.</li> </ul>
2.	Pelajar menginap di sekitar kampus dalam radius 10km	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu bapa/penjaga/waris tidak dibenarkan merentas negeri/ daerah untuk mengambil pelajar.</li> <li>• <b>Mod pengangkutan adalah kenderaan persendirian sahaja.</b></li> <li>• Surat kebenaran pulang akan dikeluarkan kepada pelajar melalui UTMSmart. Pelajar tidak perlu ke balai polis bagi tujuan mendapatkan surat rentas negeri / daerah.</li> <li>• Bagi pelajar UTM Kuala Lumpur pergerakan keluar/masuk dari kawasan PKPD adalah ditangguhkan sehingga tarikh PKPD tamat.</li> </ul>
3.	Pelajar Sabah, Sarawak dan Labuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikehendaki menjalani ujian calitan (<i>swab test</i>) di Pusat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran.</li> <li>• Kos ujian calitan (<i>swab test</i>) adalah ditanggung oleh pihak Kerajaan (Sarawak - 3 hari sebelum, Sabah – 5 hari sebelum)</li> <li>• Semua pelajar adalah diwajibkan menjalani kuarantin 14 hari di tempat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri.</li> <li>• Kos kuarantin adalah dibiayai oleh Kerajaan negeri masing-masing</li> <li>• Pengangkutan dari kampus ke lapangan terbang akan disediakan oleh pihak Universiti.</li> </ul>
4.	Pelajar dari Negeri Perlis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar yang pulang ke Negeri Perlis dikehendaki menjalani kuarantin sebaik tiba di destinasi. Kos adalah di bawah tanggungan sendiri.</li> </ul>
5.	Pelajar Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pergerakan kembali ke negara asal bagi pelajar antarabangsa adalah berdasarkan SOP terkini MKN. Urusan pergerakan dan dokumentasi adalah diselaraskan oleh pihak UTM International.</li> </ul>

## SOP UMUM PERGERAKAN PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021

BIL.	PERKARA	KEBENARAN
1.	<b>SOP Kenderaan Universiti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kapasiti kenderaan Universiti adalah 50 peratus dari jumlah sebenar penumpang.</li> <li>(b) Kos pengangkutan minima akan dikenakan kepada pelajar.</li> <li>(c) Pelajar diminta berkumpul di Dewan Alumni / Dataran UTM mengikut jadual perjalanan.</li> <li>(d) Pelajar diminta memakai <i>face mask</i> dan kerap mencuci tangan dengan <i>hand sanitizer</i>.</li> <li>(e) Bas dan bagasi pelajar akan disanitasi sebelum bertolak mengikut jadual yang ditetapkan.</li> <li>(f) Pelajar diminta mengemukakan Borang HDF, My Sejahtera dan Surat Kebenaran Universiti.</li> <li>(g) Pelajar diminta mengimbas di Sistem Pergerakan Keluar / Masuk sebelum menaiki bas.</li> <li>(h) Seorang Pegawai Pengiring di kalangan staf/pelajar akan bertugas bagi setiap bas.</li> </ul>
2.	<b>SOP Kenderaan Persendirian Pelajar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Hanya dibenarkan dua (2) orang sahaja dalam setiap kenderaan.</li> <li>(b) Bagasi dan kenderaan pelajar akan disanitasi sebelum bertolak.</li> <li>(c) Pelajar diminta mengemukakan Borang HDF, My Sejahtera dan Surat Kebenaran.</li> <li>(d) Pelajar diminta mengimbas di Sistem Pergerakan Keluar / Masuk sebelum menaiki kenderaan sendiri.</li> </ul>

Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
15 Julai 2021.